

## SSU-MA CHIEN: SEJARAWAN DARI LUNG-MEN

Muhd Yusof Ibrahim

Saya telah mengutip dan menghimpunkan tradisi-tradisi dunia yang silam yang telah bertaburan dan musnah. Saya telah memeriksa tindakan-tindakan dan peristiwa-peristiwa masa lalu dan menyelidiki prinsip-prinsip yang menyebabkan kejayaannya ataupun kegagalannya, kebangkitan dan keruntuhannya, dalam penulisan yang berjumlah 130 bab. Saya ingin menyelidiki setiap yang berkait dengan cakrawala dan manusia, menyelami perubahan-perubahan masa lalu dan masakini, melengkapkannya sebagai suatu usaha dari keluarga.

Ssu-ma Chien Ik 100 S.M.

### RIWAYAT HIDUP

Ssu-ma Chien telah dilahirkan di wilayah Lung-men pada kira-kira tahun 145 S.M. Sebenarnya tidak terdapat catatan yang tepat mengenai tarikh kelahirannya itu, tetapi para pengkaji telah menganggarkannya dengan berdasarkan pencapaian-pencapaian dan juga kronologi perkhidmatan beliau kepada negaranya. Dengan demikian didapati tarikh yang telah dinyatakan tadi adalah sesuai dan menasabah. Bapa beliau, iaitu Ssu-ma Tan, adalah juga seorang sejarawan rasmi, ataupun sejarawan istana, yang telah berkhidmat dengan Wangsa Han di antara tahun 140-160 S.M. Di samping menjadi sejarawan istana, bapanya juga menjalankan tugas-tugas ahli nujum. Lantas jawatannya itu kadangkala disebut juga sebagai "ahli nujum diraja". Sebenarnya jawatan sejarawan istana itu adalah merangkumi pula tugas-tugas ahli nujum yang bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian di bidang tersebut dan juga dalam membuat dan mengaturkan takwim bagi tiap-tiap tahun. Ssu-ma Tan telah meninggal dunia pada tahun 110 S.M. iaitu setelah memberikan khidmat yang cemerlang selama lebih kurang 30 tahun kepada maharajanya. Dua tahun kemudian Ssu-ma Chien telah dilantik menjadi sejarawan, ataupun ahli nujum rasmi, menggantikan ayah beliau yang telah meninggal dunia itu. Walau bagaimanapun Ssu-ma Chien telahpun berkhidmat dengan istana

1

Ssu-ma Chien, *Records of the Historian: Chapters from Shih Chi*, translated by Burton Watson, New York: Columbia University Press, 1969, h. 1.

beberapa tahun sebelum ayahnya meninggal dan pada tahun 111 S.M. beliau turut menyertai rombongan maharaja melawat Gunung Tai untuk melakukan upacara menambahkan kekuasaan wangsa Han itu.

### PENGEMBARAAN

Sebelum beliau menjawat jawatan istana, beliau telah banyak menghabiskan masa mudanya dengan mengembara keseluruh pelusuk negaranya. Pengembaraannya ini kemudiannya terbukti sebagai pengalaman-pengalaman yang sangat berharga dalam usaha melaksanakan penulisan sejarahnya. Malah pengembaraannya itu juga telah menyebabkan beliau kerap disamakan dengan Herodotus dari Halicarnassus, sekurang-kurangnya dari segi pengalaman walaupun tidak dari segi kandungan persejarahannya.<sup>2</sup> Melalui pengembaraan itu ia telah mendapat pengalaman langsung mengenai geografi dan sejarah sesuatu tempat dan dengan itu akan memudahkannya memberikan gambaran yang jelas tentang latarbelakang sesuatu peristiwa sejarah yang dituliskannya.

Antara tugasnya yang pertama setelah menerima jawatan tersebut ialah memperbaharui keseluruhan takwim China, iaitu demi memenuhi perintah Maharaja Wu Ti yang bercita-cita mengwujudkan suatu lembaran baru bagi Wangsa Han itu. Dalam masa yang sama, Ssu-ma Chien juga telah memulakan usaha menulis sejarah negaranya iaitu sebagai memenuhi cita-cita ayahnya dahulu. Beliau sendiri merasakan bahawa sejarah masa lalu negaranya memang wajar dicatitkan demi kepentingan zuriat yang akan datang. Tambahan lagi Negara China telah mencapai zaman kegemilangannya di bawah pemerintahan Maharaja Wu Ti itu, maka wajarlah sejarahnya dicatitkan untuk diambil iktibar dan diketahui oleh orang-orang di kemudian hari.

### DIJATUHKAN HUKUMAN KASI

Namun demikian, pada waktu beliau sedang mengusahakan rangka penulisannya itu, beliau telah terlibat di dalam suatu peristiwa yang menimbulkan kemurkaan Maharaja Wu Ti ke atasnya. Peristiwa itu ialah merupakan pembelaan yang dilakukannya terhadap sahabatnya yang bernama Li Ling, seorang pemimpin tentera yang telah gagal dalam ekspedisi menentang pemberontakan yang dipimpin

2

Lihat misalnya, F. Hirth, *The Ancient History of China to the end of the Chou Dynasty*, reprint. Freeport, New York: Books for Library Press, 1969, h. 6.

oleh Hsiung-nu. Kegagalan itu telah menyebabkan Li Ling tertawan oleh pihak musuh, tetapi Ssu-ma Chien membelanya dengan mengatakan bahawa sahabatnya itu menyerah diri dalam keadaan yang terpaksa. Maharaja Wu Ti tidak menerima hujjah-hujjah beliau dan sebaliknya baginda telah mengganggap beliau sebagai telah menjatuhkan air muka baginda, iaitu suatu kesalahan yang besar. Biasanya, hukuman ke atas sesuatu kesalahan yang besar itu ialah dipancung sampai mati. Tetapi dalam hal Ssu-ma Chien ini, hukuman yang dikenakan ialah hukuman kasi, iaitu memotong kemaluannya dengan sebilah pisau yang tajam.<sup>3</sup> Tidaklah dapat dipastikan dengan jelas apakah hukuman itu dikenakan kepadanya kerana Maharaja Wu Ti masih menghargainya, ataupun kerana Ssu-ma Chien memilihnya sebagai galang ganti kepada hukuman pancung itu. Namun demikian, beliau sendiri ada membuat pengakuan bahawa, "sebelum saya dapat menyelesaikan manuskrip kasar saya itu, saya telah mendapat kecelakaan ini. Disebabkan kesalan saya kerana tidak dapat menyiapkan manuskrip itulah saya rela menerima hukuman yang perit itu tanpa banyak bicara."<sup>4</sup> Beliau seterusnya dipenjarakan dan semasa di dalam penjara itulah beliau telah dapat menumpukan sepenuh masanya untuk melaksanakan penulisan buku sejarahnya itu. Dua tiga tahun kemudian, Wu Ti mengampunkan kesalahannya dan beliau dapat berganding rapat kembali dengan golongan istana apabila beliau dilantik pula menjadi setiausaha istana. Sungguhpun demikian, beliau tidak dapat mengikis atau menyembunyikan rasa malu dan kesalan yang telah dialaminya akibat hukuman yang telah diterimanya itu. Akibatnya beliau hidup secara menyendiri dan banyak menghabiskan masanya dalam menyelesaikan penulisan buku sejarahnya yang berjudul *Shih Chi* itu. Beliau meninggal dunia pada kira-kira tahun 85/90 S.M., iaitu dalam jangka usia kira-kira enam puluh tahun.<sup>5</sup>

---

3

Ssu-ma Chien, *Records of the Historian*, h. 1. Lihat juga, John A. Harrison, *The Chinese Empire: A Short History of China from Neolithic Times to the end of the Eighteenth Century*, New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc., 1972, h. 193.

4

B. Gascoigne, *The Dynasties and Treasures of China*, New York: The Viking Press, 1973, h. 58.

5

Lihat misalnya, J.K. Fairbank, E.O. Reischaur & A M. Craig, *East Asia: Tradition & Transformation*, new imp. Boston: Houghton Mifflin Co., 1978, h. 66.

## TRADISI PERSEJARAHAN

Sesungguhnya sumbangan Ssu-ma Chien di dalam persejaraan tradisi negaranya memanglah menonjol. Namun begitu, beliau bukanlah sejarawan yang pertama sekali, atau yang mula-mula sekali menghasilkan karya persejaraan di negaranya. Tradisi persejaraan mereka itu telah berjalan sekian lama seperti terbukti dalam amalan mereka melantik "sejarawan istana" yang telah dilakukan sejak kira-kira seribu tahun sebelum Ssu-ma Chien menuliskan karyanya.<sup>6</sup> Antara motif utama penulisan mereka itu ialah untuk membantu ingatan mereka dalam hal-hal melaksanakan upacara penyembahan raja-raja mereka terhadap roh-roh nenek-moyang mereka dahulu.<sup>7</sup> Tetapi kebanyakan penulisan seperti ini bukanlah merupakan kajian sejarah yang sebenarnya, malah merupakan himpunan salasilah raja-raja dan putera-putera mereka dari wangsa-wangsa seperti Hsia, Syang dan Chou.<sup>8</sup>

Sesuai dengan perkembangan politik negara itu sendiri, maka di antara kurun ke sepuluh hingga kelapan S.M., catatan-catatan arkib yang berasingan telah disediakan bagi tiap-tiap istana dan keluarga raja yang berkenaan. Salah satu yang masih kekal ialah babad bagi Negeri Lu di antara tahun 722-48 S.M. yang, setelah disunting oleh Kung-Fu-Tze; dikenali sebagai *Babad Musim Bunga dan Musim Luruh*.<sup>9</sup> Kebetulan Negeri Lu adalah merupakan tanah tumpah darah Kung-Fu-Tze sendiri, tetapi tujuan utama beliau menyunting babad-babad yang berkaitan dengan negerinya itu bukanlah untuk mengagung-agungkannya semata-mata. Lebih penting dari itu ialah untuk dijadikan iktibar betapa peristiwa-peristiwa masa lalu telah menunjukkan bahawa mereka yang jujur taat dan ikhlas dalam menjalankan tugas serta kehidupan sehari-hari, iaitu mengikut ajaran-ajaran keakhilakan yang telah dipelopori-nya, telah mendapat ganjaran-ganjaran yang setimpal. Begitulah juga halnya bagi mereka yang durjana telah menerima kecelakaan-kecelakaan yang sewajar dengan kejahatan mereka.<sup>10</sup> Ertinya, sejarah itu, dari satu segi, adalah pengetahuan yang memberikan pengajar-

<sup>6</sup> Ssu-ma Chien, *Records of the Historian*, h. 3.

<sup>7</sup> Lihat, Charles S. Gardner, *Chinese Traditional Historiography*, 3rd print. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1970, h. 7.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 7-8.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 10-11.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 13.

an moral atau akhlak kepada manusia. Sejarah juga boleh dijadikan landasan-landasan bagi menyatakan pengadilan-pengadilan moral ke atas seseorang tokoh ataupun sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Dalam hal yang demikian, maka sejarah itu sangat berkait rapat dengan tradisi budaya dan keakhlakan yang telah diajarkan oleh Kung-Fu-Tze itu sendiri. Oleh kerana itu, pengaruh *Babad Musim Bunga dan Musim Luruh* ke atas persejarahan-persejarahan yang terkemudian darinya sangatlah luas.

### KEMUNCULAN SSU-MA CHIEN

Lebih kurang tiga setengah kurun selepas Kung-Fu-Tze meninggal, barulah muncul suatu bentuk persejarahan yang buat pertama kalinya, merupakan sejarah Negara China itu secara keseluruhannya.<sup>11</sup> Persejarahan itu ialah *Shih Chi*, ataupun *Catatan-Catatan Seorang Sejarawan*, iaitu yang merupakan penulisan sejarah Negara China daripada awal hinggalah ke zaman Wangsa Han, ataupun zaman penulisnya sendiri, yakni Ssu-ma Chien.<sup>12</sup> Sebelum ini, bentuk-bentuk persejarahan yang menyeluruh, ataupun yang dianggap bersifat sejagat seperti itu belumlah lagi diusahakan. Karya-karya seperti *Kanun Sejarah, Babad Musim Bunga dan Musim Luruh*, merupakan karya-karya persejarahan yang bersifat tempatan yang tidak melingkungi keseluruhan sejarah Negeri China sebagai sebuah entiti politik. Ini dapat kita fahami kerana sebelum kemunculan Wangsa Han, China masih lagi berpecah belah kepada kerajaan-kerajaan feodal yang mempunyai kuasa di wilayah masing-masing. Dengan kemunculan Wangsa Han itu barulah ia menjadi sebuah empayar yang disatukan di bawah kekuasaan suatu wangsa.<sup>13</sup> Lantas bagi Ssu-ma Chien, dan juga bapanya, catatan-catatan sejarah yang ingin dilaksanakan seharusnya melingkungi keseluruhan Negara China itu sebagai suatu entiti politik dari mula hingga akhir (yakni zaman Wangsa Han itu).

Pada asasnya penulisan *Shih Chi* itu adalah suatu karya persejarahan yang telah dirancang oleh bapa Ssu-ma Chien, iaitu Ssu-ma Tan. Dengan kata lain, Ssu-ma Chien hanya meneruskan cita-cita dan hasrat bapanya. Malah Ssu-ma Tan, pada saat-saat

11

*Ibid.*, h. 16. Lihat juga, C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, 4th ed. London: Barrie & Jenkins, 1976, h. 208.

12

William H. McNeil & Jean W. Sedlar, eds., *Classical China*, New York: Oxford University Press, 1970, h. 132.

13

C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, h. 208.

beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir, telah mewasiatkan kepada anaknya agar meneruskan cita-citanya yang berkenaan sebagai tanda ketaatannya kepada kedua ibu-bapanya.<sup>14</sup> Barangkali kerana ingin memenuhi wasiat ini jugalah maka beliau sanggup menjalani hukuman yang memalukan serta menjeruk hatinya tadi. Walau bagaimanapun, bolehlah dikatakan bahawa sebahagian besar dari *Shih Chi* itu adalah merupakan hasil usaha Ssu-ma Chien jua dan beliau jugalah yang kerap dianggap sebagai penyusun dan penulis karya persejarahan tersebut yang sebenar.<sup>15</sup>

#### MOTIF PENULISAN

Sebagai yang diketahui *Shih Chi* bukanlah karya persejarahan yang dilaksanakan atas perintah diraja, walaupun Ssu-ma Chien merupakan seorang tokoh istana hampir sepanjang hayatnya kecualilah bagi jangkawaktu ia menjalani hukuman yang telah dinyatakan. Karya itu dihasilkan secara persendirian dalam kedudukannya sebagai Setiausaha Istana (*Chung Shu Ling*). Oleh kerana itu, dari satu segi, ia adalah agak bebas menyatakan motifnya, tanpa begitu hirau tentang motif dan tuntutan-tuntutan terutamanya dari pihak raja yang memerintah. Dia juga merasa tidak perlu menyelaraskan motif utamanya dengan motif-motif persejarahan yang awal yang mahukan sesebuah dokumen ataupun karya persejarahan itu "bersifat mendidik, dengan tujuan untuk memberikan kepada raja-raja dan negarawan-negarawan akan contoh-contoh kelakuan yang baik dan yang sebaliknya,"<sup>16</sup> Kung-Fu-Tze umpamanya, telah menekankan tentang "perlunya tatatertib tingkah laku yang tetap itu ditaati untuk mendisiplinkan perangai manusia, dan banyak penulisan yang dimuatkan di dalam *Ch'un-Chiu* (Babad Musim Bunga dan Musim Luruh) adalah berkaitan dengan hasrat mengekalkan adat-adat yang demikian, dan dengan keperluan mengekalkan hubungan-hubungan yang adicita bagi masyarakat."<sup>17</sup>

Dengan *Shih Chi*, motif utama penulisan sejarah itu telah menampakkan perubahan, malah boleh dikatakan bertentangan

14

Wm. Theodore de Bary, Wing-tsit Chan & Burton Watson, comp., *Sources of Chinese Tradition*, 7th print., Vol. I New York: Columbia University Press, 1970 h. 231.

15

Lihat misalnya, C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, 208-9.

16

Michael Loewe, *Imperial China*, London: George Allen and Unwin Ltd., 1966, h. 279.

17

*Ibid.*

dengan motif-motif yang terdapat di dalam karya-karya awal, terutamanya yang diusahakan oleh Kung-Fu-Tze tadi. Berbeza dengan *Ch'un Chiu*, *Shih Chi* adalah bertujuan dijadikan sebagai catatan yang benar tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku sejak awal kewujudan negara itu hinggalah Wangsa Han itu.<sup>18</sup> Inilah motif utamanya dan impian *Shih Chi* ialah memaparkan fakta-fakta sejarah itu dengan secara objektif, tanpa menghiraukan implikasi moralnya, juga tanpa takut terhadap akibat-akibat yang mungkin menimpa sejarawan-sejarawan itu sendiri.<sup>19</sup> Ini ialah kerana sejarah baginya "bukanlah merupakan catatan salasilah semata-mata, juga bukan babad yang kosong tentang sesebuah istana, malah bukan suatu penghuraian tentang keakhlakan politik sahaja. Sejarah juga tidaklah dimaksudkan untuk mengagung-agungkan seseorang atau sesebuah institusi sahaja. Sesungguhnya sejarah adalah suatu gambaran komposit bagi keseluruhan masa lalu seluruh rakyat, iaitu sejauh yang dapat digambarkan dari dokumen-dokumen yang boleh didapati."<sup>20</sup> Nyatalah perbezaan pandangan ini dengan motif yang terdapat sebelum itu. Dan *Shih Chi* itu sendiri adalah merupakan sebuah hasil yang pertama yang menjadi model bagi satu rangkaian penulisan *Cheng Shih* atau *Standard Histories* yang terdiri dari dua puluh enam siri semuanya yang dihasilkan secara berterusan sehingga akhir zaman kemaharajaannya pada T.M. 1911.<sup>21</sup>

#### KARYA PERSEJARAHAN

Sebagai sebuah karya persejarahan, *Shih Chi* itu, jika ditinjau dari keadaan zahirnya sahaja sudah merupakan sebuah hasil penulisan yang sungguh mengagumkan. Menurut catatan beliau sendiri, karya persejarahannya itu adalah terdiri dari seratus tiga puluh bab semuanya, dan mengandungi sebanyak 526,500 perkataan.<sup>22</sup> Ia menggunakan sebanyak 700,000 huruf tulisan Cina yang dianggar-

18

*Ibid.*, h. 281.

19

*Ibid.*

20

Lihat, Charles S. Gardner, *Chinese Traditional Historiography*, h. 16-17. Lihat juga misalnya, John A. Harrison, *The Chinese Empire*, h. 193.

21

Lihat, Raymond Dawson, *The Legacy of China*, London: Oxford University Press, 1964, h. 149. *Cheng Shih* yang terakhir sekali ialah mengenai Wangsa China (T.M. 1644-1911) yang telah diterbitkan pada tahun 1961 di Taiwan.

Lihat, Lucian W. Pye, *China: An Introduction*, h. 47-48. Juga Michael Loewe, *Imperial China*, h. 280-1

22

Wm. Theodore de Bary & et al. comp. *Sources of Chinese Tradition*, h. 233.

kan bersamaan dengan lebih kurang 4,000 halaman buku biasa dalam tulisan rumi.<sup>23</sup>

Ssu-ma Chien membahagikan karya persejarahannya kepada lima bahagian: babad-babad yang asas, jadual-jadual tertib-tarikh, penghuraian-penghuraian, keluarga-keluarga berketurunan dan memoir atau riwayat hidup.<sup>24</sup> Babad yang asas itu terdiri dari dua belas bab yang mengandungi catatan-catatan tentang peristiwa-peristiwa yang penting yang berlaku sejak awal sejarah negara itu, iaitu ketika ia masih berpecah, dan berkembang serta seterusnya bersatu melalui kerajaan-kerajaan tiga wangsa dan maharaja-maharaja Wangsa Chin dan Han hinggalah sampai ke zaman pemerintahan Maharaja Han Wu Ti. Seterusnya ini diikuti dengan bahagian kedua yang terdiri dari sepuluh bab tentang jadual-jadual tertib-tarikh bagi keluarga-keluarga diraja Wangsa Chou serta putera-putera diraja dan pembesar-pembesar Wangsa Han. Ini diikuti pula dengan lapan buah esei yang membicarakan tentang perkara-perkara yang tidak ada kaitannya dengan tertib-tarikh itu. Khususnya kelapan buah esei ini adalah penghuraian mengenai perkara-perkara seperti upacara-upacara, musik, takwim, ilmu nujum, sungai-sungai dan terusan-terusan dan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan ekonomi.<sup>25</sup> Sungguhpun perkara-perkara ini, seolah-olah tidak ada kaitan dengan bentuk-bentuk yang mula-mula tadi, tetapi kesemuanya adalah penting demi melicinkan pentadbiran kerajaan wangsa-wangsa yang berkenaan.<sup>26</sup> Dengan kata lain, penghuraian-penghuraian tentang perkara-perkara ini mempunyai fungsi ataupun tujuan yang praktikal.

Lapan buah esei ini diikuti pula dengan tiga puluh bab yang secara khusus memuatkan catatan-catatan tentang negeri-negeri atau wilayah-wilayah yang takluk di bawah kekuasaan Wangsa Chou. Catatan-catatan itu termasuklah sejarah tentang keluarga-keluarga dalam Wangsa tersebut dan, secara amnya, keluarga-keluarga yang ternama di dalam zaman feudalnya, yakni pada ketika negara itu

23

Lihat, W.H. McNeille & J.W. Sedlar, *Classical China*, h. 132.

24

*Ibid.*, Juga Wm. Theodore de Bary & et al., comp., *Sources of Chinese Tradition*, h. 230. Lihat juga, A.F.P. Hulsewe, "Notes on the Historiography of the Han Period", W.G. Beaseley and R.E.G. Pulleybank, eds., *Historians of China & Japan*, 4th London: Oxford University Press, 1971.

25

Lihat, John K. Fairbank, Edwin O. Reischauer & Albert M. Craig, *East Asia: Tradition & Transformation*, h. 67-68.

26

P. Van de Loon, "The Ancient Chinese Chronicles and the Growth of Historical Ideals", dlm, W.G. Beaseley and R.E.G. Pulleybanks, eds., *Historians of China and Japan*, h. 29-30.



belum lagi menjadi sebuah empayar yang disatukan. Bahagian akhir, iaitu bahagian memoir atau riwayat hidup tadi adalah terdiri dari tujuh puluh bab semuanya. Sesungguhnya bahagian inilah yang panjang sekali serta paling banyak sekali memuatkan catatan-catatan sejarah, khususnya yang berbentuk riwayat hidup berbagai-bagai tokoh. Namun demikian ada juga catatan-catatan tentang perkara-perkara lain. Oleh kerana itu, secara keseluruhannya bahagian ini membicarakan tentang:

... riwayat hidup orang-orang terkenal, pemimpin-pemimpin tentera, ahli-ahli politik, ahli-ahli falsafah, dan sebagainya. Setengah-setengah bab memuatkan tentang kumpulan tertentu, seperti pembunuh-pembunuh yang terkenal, pegawai-pegawai yang jujur dan sebaliknya, pahlawan-pahlawan yang menyeleweng, orang-orang kesayangan maharaja, saudagar-saudagar dan sebagainya. Setengah-setengah bab pula memuatkan tentang negara-negara dan orang-orang asing seperti Korea, China tenggara, Ferghana dan sebagainya. Bab yang akhir ialah mengenai riwayat hidup sejarawan itu sendiri.<sup>27</sup>

Ringkasnya karya persejarahan yang telah kita nyatakan di atas itu bukan sahaja menampakkan tentang ketebalan jumlah halamannya, tetapi yang lebih penting dari itu, ialah tentang keluasan isi kandungannya. Ia adalah seolah-olah menyerupai sebuah ensaiklopedia dengan bahagian-bahagian yang telah dinyatakan, walaupun penyusunannya tidaklah berdasarkan susunan abjad seperti lazimnya sesebuah ensaiklopedia. Sesungguhnya *Shih Chi* itu adalah sebuah buku sejarah, tetapi keluasan maklumat sejarah yang diberikannya itulah yang menyebabkan ia seiras dengan sebuah ensaiklopedia sejarah. Dari segi jangkawaktu, karya itu merentasi kira-kira dua ribu tahun; yakni dari zaman awalnya hinggalah kepada beberapa tahun sebelum Ssu-ma Chien sendiri meninggal dunia pada kira-kira tahun 90 S.M., dalam masa pemerintahan Maharaja Wu Ti. Dari satu segi, ia adalah satu percubaan untuk menghasilkan sejarah dunia, atau sejarah alam semesta, walaupun pada hakikatnya alam itu adalah merupakan dunia dan peradaban serta sejarah orang-orang China sahaja.

### KAEDAH PENYELIDIKAN

Sedikit sebanyaknya Ssu-ma Chien ada melakukan penyelidikan bagi menghasilkan karyanya yang besar itu. Beliau sendiri menyatakan tentang usahanya mengumpulkan teks-teks serta dokumen-dokumen

27

Lihat Wm. de Bary et. al. comp., *Sources of Chinese Tradition*, h. 230-1. Lihat juga, Ssu-ma Chien, *Records of the Historian*, Introduction, h. 2; juga beberapa halaman seterusnya yang memuatkan riwayat hidup tokoh-tokoh seperti Po Yi, Shu Ch'i, Wu Tze-hsu, Tien Tan, Lu Pu-Wei dan sebagainya.

dari zaman silam dan juga zaman beliau sendiri bagi kegunaannya dalam menghasilkan karyanya itu.<sup>28</sup> Sebenarnya ia memang berpeluang berbuat demikian, kerana sebahagian dari tugasnya, mula-mula sebagai Sejarawan Terhormat (atau Ahli Nujum Terhormat) dan kemudian Setiausaha Istana, adalah juga menerima dan menyimpan dokumen-dokumen negara yang dianggap penting untuk diabadikan. Dan kedudukannya itu juga memberikan ia peluang yang luas untuk memeriksa serta membaca dokumen-dokumen sejarah yang telah dikekalkan oleh beberapa wangsa sebelum Wangsa Han itu, iaitu sebagai khazanah budaya yang telah dikumpulkan oleh sejarawan-sejarawan istana masing-masing. Walaupun kebanyakannya telah musnah akibat peperangan dan persengketaan-persengketaan, terutamanya pada ketika kemunculan Wangsa Chin dan kemudiannya Han, yang kedua-duanya berusaha menyatukan kerajaan-kerajaan feudal China itu di bawah kekuasaan mereka, ataupun akibat dari "peristiwa membakar buku," dalam zaman Wangsa Chin, tetapi mana yang masih kekal dan boleh digunakan akan dipakai oleh Ssu-ma Chien dengan sewajarnya. Misalnya, bagi catatan-catatannya tentang sejarah sebelum zaman Wangsa Chin, beliau terpaksa bergantung kepada dua atau tiga sumber yang terkenal seperti *Tso Chuan* ataupun *Komplot Negeri-Negeri Yang Berperang* itu, dan ada kalanya beliau terpaksa melengkapkan catatannya dengan memuatkan legenda dan cerita-cerita rakyat yang popular.<sup>29</sup>

Penggunaan sumber-sumber tersebut menunjukkan kesedaran beliau tentang pentingnya sejarawan merujuk kepada bahan-bahan yang berkaitan untuk menghasilkan karya persejarahan yang baik. Walau bagaimanapun, Ssu-ma Chien tidaklah melakukan rujukan terhadap sumber-sumbernya itu sepertimana yang dilakukan oleh sejarawan moden pada hari ini. Dengan kata lain, dia tidaklah menggunakan kaedah dan teknik penyelidikan dan penulisan yang dapat disamakan dengan apa yang dilakukan pada abad ke-20 ini, seperti menyatakan permasalahannya, memetik atau merujuk sumber-sumbernya yang berkaitan dan mengakui setiap satunya melalui penggunaan notakaki-notakaki dan juga himpunan bibliografi dan seterusnya membuat analisis serta kesimpulan yang munasabah dengan berdasarkan sumber-sumber tersebut.

28

Lihat misalnya, Wm. de Barry, et. al. comp., *Sources of Chinese Tradition*, h. 235.

29

Ssu-ma Chien, *Records of the Historian*, "introduction," h. 3. Selain dari yang di atas itu, *Buku Dokumen-Dokumen dan Babad-Babad Musim Bunga dan Musim Luruh* juga digunakan. Lihat Michael Loewe, *Imperial China*, h. 281.

Tetapi, haruslah diingat, cara seperti ini belumlah wujud lagi pada ketika itu. Oleh yang demikian, Ssu-ma Chien, secara amnya menggunakan kaedah-kaedah yang biasa digunakan pada zamannya itu bagi menghasilkan karya-karya yang berupa persejarahan.<sup>30</sup> Umpamanya, beliau tidaklah memetik sumber-sumbernya secara khusus (dan kemudian memuatkan notakaki-notakaki yang berkaitan), malah beliau hanya menyalin sahaja sumber-sumber itu dan menjadikannya sebahagian dari himpunannya. Dengan kata lain beliau menyalin semula teks-teks pencatat-pencatat silam, penulis-penulis sezaman, dan dokumen-dokumen kerajaan yang boleh digunakannya. Dengan hal yang sedemikian, dikatakan bahawa sebahagian besar dari karya persejarahannya itu adalah lebih merupakan suatu himpunan bagi kesemua sumber sejarah yang silam yang boleh didapati pada zamannya itu daripada merupakan sebuah karya yang asli.<sup>31</sup> Di dalam bab-bab yang awal umpamanya, beliau telah menyalin dari karya yang berjudul *Shu Ching*, dan kadangkala beliau mengubah jalan bahasanya yang silam itu supaya lebih mudah difahami.<sup>32</sup> Begitulah juga halnya dengan penggunaannya terhadap sumber yang berjudul *Ch'un Ch'iu* dan *Babad-Babad Wangsa Chin* bagi catatannya mengenai zaman feudal.

Namun begitu, ini bukanlah bererti beliau tidak langsung memuatkan penulisannya sendiri di dalam *Shih Chi* itu. Memang benar, beliau banyak melakukan penyalinan dari sumber-sumber samada yang silam maupun yang sezaman, tetapi ada pula bahagian-bahagian yang mana beliau sendiri menulis dan memuatkan beberapa sudut pandangan dan juga analisis malah kadangkala kritiknya. Pandangan-pandangan beliau misalnya, "kebanyakannya dimuatkan pada bahagian permulaan ataupun akhir bagi sesebuah bab dan merupakan sebahagian kecil dari keseluruhan karya tersebut."<sup>33</sup> Penulisan-penulisan beliau tentang peristiwa-peristiwa semasa, dan riwayat hidup orang-orang kenamaan, yang belum lagi dicatatkan sebelumnya, adalah juga merupakan tulisan beliau sendiri.<sup>34</sup> Ertinya, bahagian-bahagian yang melingkungi jangkawaktu lebih kurang satu kurun sebelum zaman beliau adalah sebahagian besarnya merupakan hasil penulisan beliau sendiri.

30

P. van der Loon, "The Ancient Chinese Chronicles", h. 29.

31

C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, h. 213.

32

*Ibid.*

33

W.H. McNeil & J.W. Sedlar, eds., *Classical China*, h. 133.

34

C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, h. 213.

Dalam bahagian ini beliau telah menggunakan “dokumen-dokumen yang dipilih dari arkib-arkib maharaja, karya-karya pengarang-pengarang sezaman dan laporan-laporan dari orang-orang yang menyaksikan sesuatu peristiwa. Bahagian inilah yang memuatkan perincian yang paling banyak dan merupakan sumber sejarah yang paling bernilai sekali.”<sup>35</sup>

Jelaslah bahawa karya persejarahan Ssu-ma Chien itu bukanlah semata-mata penyalinan terhadap dokumen-dokumen lama dan baru sahaja tetapi memuatkan juga penulisan, analisis dan kritikan beliau. Ia adalah merupakan gabungan dari usaha-usaha yang demikian, iaitu sebagai mencerminkan kaedah penghasilan sesuatu karya persejarahan pada ketika itu. Tetapi pada hakikatnya karya itu adalah karya yang diusahakannya sendiri dan bukanlah sebagai memperbaiki, ataupun menuliskan semula sesuatu naskhah atau kitab lama yang telah wujud dahulu seperti halnya dengan Tun Seri Lanang dengan karyanya yang berjudul *Sulalatus Salatin*, atau *Sejarah Melayu* itu.<sup>36</sup> Sebagai suatu usaha yang gigih dan sebesar itu, maka ia adalah sesuatu yang mengagumkan dan sesungguhnya memenuhi hasrat pengarangnya untuk memberikan sumbangan penulisan yang berguna kepada “zuriat-zuriat manusia, di desa-desa dan di kota-kota”, walaupun dia sendiri menderita, jiwa dan raga, dalam masa hayatnya serta dalam usahanya menyelesaikan karya tersebut.<sup>37</sup> Ia sudah semestinya merupakan sebuah karya yang didasarkan kepada suatu bentuk penyelidikan yang agak teratur. Seperti yang telah kita sentuh tadi, Ssu-ma Chien sendiri menyatakan bahawa beliau telah membaca hampir setiap naskhah penulisan yang diterbitkan dalam zamannya dan juga menyelidiki arkib-arkib diraja untuk mendapatkan naskah-naskah dari zaman-zaman silam bagi dimuatkan ke dalam karyanya jika didapatinya naskah-naskah itu memang benar-benar asli.<sup>38</sup>

Sebagai sebuah karya asli, tentulah ia mempunyai beberapa ciri keasliannya. Antaranya ialah bentuk penyusunannya ataupun

35

W.H. McNeill & J.W. Sedlar, eds., *Classical China*, h. 133. Lihat juga Raymond Dawson, *The Legacy of China*, h. 151.

36

Lihat misalnya, Abdul Samad Ahmad, ed., *Sulalatus Salatin*, h. xxii dan 2, tentang kenyataan Tun Sri Lanang mengenai kedatangan sebuah Hikayat Melayu yang dibawa orang dari Goa, yang mana beliau telah diperintahkan oleh Sultan Abdullah Maayah Syah untuk memperbaikinya.

37

Lihat, W.H. McNeill & J.W. Sedlar, eds., *Classical China*, h. 136.

38

C.P. Fitzgerald, *China: A Short Cultural History*, h. 215.

pembahagiannya kepada lima bentuk tadi, dan juga sikap realismenya dalam membuat catatan tentang sesuatu peristiwa sejarah ataupun tentang riwayat hidup seorang tokoh yang dimuatkannya. Dengan kata lain, beliau tidaklah begitu berminat untuk memuatkan penerangan-penerangan, maupun peristiwa-peristiwa yang berbentuk supernatural, sungguhpun legenda-legenda dan juga cerita-cerita zaman silam ada dimuatkannya, terutamanya bagi bahagian-bahagian yang awal iaitu bagi zaman-zaman sebelum Wangsa Chin dan Han. Selain dari itu ialah sikapnya yang rasional dan boleh dikatakan objektif yang seterusnya mencerminkan pula tentang pendekatannya yang ilmiah terhadap pengkajian sejarah. Perkara-perkara ini adalah merupakan sesuatu yang unik pada zamannya lantas menimbulkan kekaguman bagi sejarawan-sejarawan pada zaman kita ini tentang bagaimanakah Ssu-ma Chien, sejarawan yang hidup hampir dua ribu tahun yang silam, telah dapat memikirkan ciri-ciri persejarahan yang demikian.

#### KITARAN KEWANGSAAN

Namun demikian, karya beliau itu tidaklah pula terlepas sepenuhnya dari ciri-ciri persejarahan tradisi oral, khususnya persejarahan tradisi orang-orang China itu sendiri. Di samping sifat kechinaan persejarahan itu, "sesuatu yang sesungguhnya lari dari analisis yang rasional ialah penerimaannya terhadap konsep tradisi China mengenai keruntuhan kewangsaan."<sup>39</sup> Dan mengikut teori ini "sifat atau tenaga mistik (*te*) pengasas sesebuah keluarga pemerintah itu akan diwarisi oleh zuriatnya, tetapi dalam keadaan yang semakin lemah sehinggalah penggantinya yang terakhir akan menghilangkan Mandat dari Cakrawala itu."<sup>40</sup>

Konsep keruntuhan kewangsaan ini dikenali juga sebagai kitaran kewangsaan, iaitu suatu proses, atau suatu bentuk falsafah, peredaran sejarah jatuh-bangunnya wangsa-wangsa di dalam Negeri China itu dengan secara berkitar. Seperti sebuah roda pedati, sejarah itu akan terus bergerak ke hadapan sambil ia berkitar pula menjalani proses-proses kebangkitan atau kemunculan, perkembangan dan seterusnya keruntuhan sesuatu wangsa itu. Pye telah merumuskan konsep dan perlembagaan kitaran kewangsaan ini dengan jelasnya;

Tiori kitaran kewangsaan ini bermula dengan satu zaman kekacauan di antara wangsa-wangsa dan apabila kekuatan tentera sesebuah wangsa itu telah berjaya mewujudkan sebuah keluarga pemerintah yang baru maka kebanyakan rakyat

39

W.H. McNeill & J.W. Sedlar, *Classical China*, h. 134.

40

*Ibid.*

mempunyai hasrat agar keamanan dan kedamaian dapat diwujudkan dengan segera dan dengan demikian setiap wangsa bermula dengan suatu tahap berbulan madu yang dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan yang gigih untuk memperbaiki kehidupan. Kekacauan yang berlaku sebelum pengisytiharaan wangsa baru itu telah mengurangkan jumlah penduduk dan dengan tercapainya keamanan maka nisbah di antara jumlah penduduk dengan tanah adalah boleh dikatakan baik dan dengan itu tanah bolehlah dibahagikan dengan agak saksama di antara penduduk-penduduk desa. Walau bagaimanapun, keamanan mendatangkan perubahan. Jumlah penduduk bertambah dan pegawai-pegawai mula mengumpulkan harta. Ini menyebabkan jumlah petani-petani yang tidak bertanah dan tuan-tuan tanah berjauhan semakin bertambah. Ia juga mengurangkan landasan percukaian sebab pegawai-pegawai menggunakan kepintaran mereka agar harta-harta mereka tidak dicukai. Ini bererti petani-petani yang paling miskinlah yang menanggung beban cukai yang paling berat; akhirnya mereka terpaksa menjualkan harta-harta mereka. Pemusatan penguasaan harta semakin menjadi-jadi dan begitu jugalah halnya dengan kekecewaan para petani. Dalam keadaan seperti ini, bencana-bencana alam akan menimbulkan kesan yang kurang baik kerana begitu ramai yang hidup secara secukupnya sahaja. Keadaan yang demikian memang sesuai bagi berlakunya pemberontakan-pemberontakan yang secara amnya berlaku di persisiran wilayah-wilayah yang paling miskin. Keperluan untuk menumpaskan pemberontakan-pemberontakan itu menyebabkan cukai-cukai dinaikkan terutamanya di kalangan penyokong-penyokong raja, dan ini menyebabkan pemberontakan-pemberontakan itu semakin meluas.<sup>41</sup>

Demikianlah pemberontakan yang semakin meluas akan menyebabkan keadaan ekonomi, masyarakat dan politik negara semakin meruncing dan kucar-kacir. Dalam tahun akhir-akhir pemerintahan Wangsa Ming misalnya, kerajaan memerlukan perbelanjaan sebanyak melebihi empat kali ganda dari jumlah biasa untuk menentang pemberontakan-pemberontakan dan pencerobohan-pencerobohan dari luar. Dan Wangsa Ching pula tidak berjaya memulihkan keadaan kewangan yang ditanggungnya akibat dari langkah yang diambil untuk menumpaskan Pemberontakan Taip-*ing*.<sup>42</sup> Dalam keadaan yang demikianlah maka Mandat dari Cakra-wala itu akan ditarik balik kerana kuasa yang memberikannya itu, sebagai menghalalkan kekuasaan wangsa yang berkenaan, telah merasa kecewa dengan kualiti pemerintahan ataupun kelakuan raja yang sedang memerintah dan dengan itu juga, pemberontakan adalah suatu tindakan yang sah dilakukan.<sup>43</sup>

Sebagai suatu kitaran, keadaan-keadaan, ataupun tahap-tahap yang disebutkan tadi berlaku berulang-ulang di dalam sejarah kemaharajaan orang-orang China itu. Dengan kata lain, proses perkembangan sejarah mereka itu seolah-olah terperangkap di

41

Lihat, Lucian W. Pye, *China: An Introduction*, h. 55.

42

*Ibid.*

43

*Ibid.*, h. 54.

dalam suatu kitaran silih berganti yang telah ditetapkan landasan-landasannya. Setiap wangsa akan mengalami, atau bermula dengan kebangkitan, seterusnya berkembang dan kemudian runtuh, iaitu dengan berlandaskan keadaan-keadaan yang telah dirumuskan oleh Pye tadi. Selepas keruntuhan itu muncullah pula suatu wangsa yang baru yang semestinya menjalani semula proses-proses yang sama dan lambat laun akan musnah pula. Demikianlah umpamanya Han yang ternama itu telah berakhir dengan runtuh atau musnahnya pemerintahan Maharaja Ts'ao-ts'ao yang sebelum itu telah mengalami dan menghadapi berbagai-bagai bencana.<sup>44</sup>

### SEJARAH SEBAGAI IKTIBAR

Selain dari menerima, ataupun mengekalkan konsep kitaran ke-wangsaan itu, Ssu-ma Chien mengekalkan juga secara amnya, anggapan bahawa sejarah itu pada hakikatnya adalah sesuatu yang boleh memberi pengajaran atau pendidikan kepada manusia.<sup>45</sup> Dengan kata lain, manusia boleh mendapat iktibar dari peristiwa-peristiwa sejarah yang telah berlaku pada sesuatu masa dahulu. Seperti kebanyakan sejarawan silam di dalam tradisi-tradisi yang lain, beliau tidaklah menafikan hakikat ini; ia adalah merupakan fungsi yang lumrah bagi sejarah. Di samping itu beliau juga seolah-olah didorongkan oleh hasrat untuk mengagung-agungkan zamannya, walaupun tidak rajanya (yakni Maharaja Han Wu Ti). Tetapi sikapnya, disebalik adanya kecenderungan yang demikian, tetap kritis terhadap beberapa perkara yang dianggapnya tidak wajar atau tidak benar.<sup>46</sup>

44

John A. Harrison, *The Chinese Empire*, h. 175. Lihat juga beberapa halaman sebelum itu, khususnya h. 172-181 yang antara lainnya menceritakan beberapa bencana dan kekacauan yang melanda pemerintahan akhir wangsa Han itu. Dinyatakan misalnya tentang, kekuasaan kumpulan sida-sida yang menimbulkan kebencian pendita-pendita, tentang kemelaratan yang membawa kepada pemberontakan petani "serban kuning" pada T.M. 184 yang telah ditumpaskan dengan kejamnya, yang mengakibatkan 500,000 orang telah terbunuh. Juga tentang bah-banjir, kebuluran-kebuluran dan penderitaan-penderitaan dan seterusnya tentang perebutan kuasa di antara panglima-panglima tentera yang ingin mengambil kesempatan untuk merebut kuasa dalam keadaan yang demikian itu.

45

Lihat, A.F.P. Hulsewe, "Notes on the Historiography of the Han Period", h. 35. Beliau sendiri berharap agar karyanya itu akan memberikan sumbangan yang berguna kepada "zuriat-zuriat manusia, di desa-desa dan di kota-kota" Lihat nota-kaki 37.

46

A.F.P. Hulsewe, "Notes on the Historiography of the Han Period," h. 35. Lihat juga, Theodore de Bary, et al. comp., *Sources of Chinese Tradition*, h. 236.

## UCAPAN-UCAPAN DAN PERBUALAN-PERBUALAN

Ssu-ma Chien juga memuatkan ucapan-ucapan dan perbualan-perbualan di dalam persejarahannya iaitu seperti yang dilakukan oleh kebanyakan sejarawan-sejarawan silam dalam tradisi-tradisi yang lain. Unsur-unsur ini dimuatkan dengan tujuan mengukuhkan pandangan seseorang tokoh, ataupun kebenaran sesuatu peristiwa yang dinyatakan. Adanya ucapan-ucapan dan perbualan-perbualan ini menjadikan karya persejarahan beliau itu seolah-olah seperti karya sastera dengan tokoh-tokoh atau watak-watak tertentu berbicara antara satu sama lain mengenai sesuatu perkara. Di dalam riwayat hidup Lu Pu-Wei misalnya, iaitu seorang saudagar ternama dari Yang-Ti, kita mendapati tokoh ini berbicara dengan Tzu-Chu' tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjadikan Tze-Chu', putera Tengku Mahkota Au-Kuo, yang telah tersingkir dari istana, sebagai pengganti bapanya.<sup>47</sup> Tzu-Chu' kemudian menjawab dengan mengatakan, "jika apa yang tuan katakan ini sebenarnya berlaku nanti, maka apabila sampai harinya kelak benarkanlah saya membahagikan negeri China itu dan berkongsi dengan tuan."<sup>48</sup> Begitulah juga halnya dengan riwayat-riwayat hidup tokoh-tokoh dan peristiwa-peristiwa lain yang dimuatkannya. Sesungguhnya ucapan-ucapan dan perbualan-perbualan ini adalah merupakan unsur-unsur yang menonjol dan dianggap sebagai sebahagian dari persejarahan tradisi China itu sendiri, iaitu di samping tindakan-tindakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh yang berkenaan.<sup>49</sup>

Namun demikian unsur-unsur tersebut tidaklah terhad kepada persejarahan tradisi China sahaja, malah, seperti yang telah kita nyatakan, adalah juga merupakan ciri bagi persejarahan silam tradisi lain. Karya-karya persejarahan Herodotus, Thucydides ataupun Tacitus dari peradaban Yunani-Rumawi juga menggunakan unsur-unsur tersebut untuk tujuan-tujuan yang sama. Dan "seperti Thucydides atau Tacitus, beliau sangatlah bergantung kepada ucapan-ucapan yang panjang-panjang yang kemungkinannya direka untuk diucapkan oleh tokoh-tokohnya bagi menerangi dan memajukan tindakan yang berkenaan dan memencilkan seseorang tokoh."<sup>50</sup>

47

Ssu-ma Chien, *Records of the Historian*, h. 37.

48

*Ibid.*

49

*Ibid.*, "Introduction", h. 4

50

*Ibid.*



Dengan anggapan yang demikian itu nyatalah bahawa ucapan-ucapan dan perbualan-perbualan memanglah merupakan bahagian yang penting bagi karya Ssu-ma Chien itu. Hal ini berbeza dengan keadaannya dengan kedudukan beberapa buah puisi yang dimuatkannya, seperti sebuah nyanyian yang digubah oleh Po Yi dan Shu Chi, putera raja Ku-Chu yang telah lari dan menyembunyikan diri di Gunung Shou-Yang. Nyanyian ini mereka gubah ketika mereka sedang dalam kebuluran di gunung tersebut:

Kita daki bukit di bahagian barat ini  
 dan petik paku-pakisnya,  
 membalas keganasan dengan keganasan,  
 dia tidak dapat melihat kesalahan dirinya.  
 Sheng Nung, Yu dan Hsia,  
 orang ternama yang telah lama pergi,  
 kepada siapakah kita akan mengadu sekarang?  
 Ah — marilah kita pergi,  
 kerana masa kita pun telah sampai!<sup>51</sup>

#### KELEMAHAN

Jika ditinjau dari sudut persejarahan moden, perkara-perkara yang baru kita nyatakan tadi tentulah merupakan kelemahan-kelemahan yang terlalu ketara keadaannya. Jarang sekali kita dapati sebuah karya persejarahan yang mutakhir yang memuatkan ucapan-ucapan ataupun perbualan-perbualan tokoh-tokoh yang dikaji yang kononnya secara *verbatim*; apatah lagi tanpa penulis itu menyatakan atau mengukuhkannya dengan sumber-sumber lain. Begitu jugalah halnya dengan puisi. Dengan memuatkan kedua-dua ini secara sewenang-wenang sahaja bererti seseorang sejarawan itu telah melampaui batas imajinasi sejarah yang dibenarkan dalam menghasilkan sesebuah karya sejarah. Ia mungkin menjerumuskan seseorang itu ke dalam penulisan yang berbentuk roman sejarah, iaitu suatu karya kesusasteraan kembara romantik yang mengambil peristiwa-peristiwa sejarah sebagai landasan jalan ceritanya. Atau terus terjerumus ke bidang sastera kreatif yang tidak memperkirakan lagi tentang kesejarahan peristiwa-peristiwa yang dimuatkannya.

Bukanlah bererti kedua-dua unsur ini tidak berguna langsung kepada penulisan sejarah. Kedua-duanya boleh dijadikan sumber rujukan, umpamanya untuk mengetahui buah fikiran seseorang tokoh mengenai sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku di dalam zaman tokoh yang berkenaan. Tetapi tidaklah wajar jika kedua-

51

*Ibid.*, h. 13. Mereka akhirnya mati kebuluran di Gunung Shou-yang itu. Lihat juga, h. 140-141, tentang sebuah nyanyian yang digubah oleh Kao-tsu sempena dengan pesta yang diadakan di istana P'ei.

duanya itu dengan sewenang-wenangnya dijadikan sebagai sebahagian dari isi kandungan sesebuah karya persejarahan itu, apatah lagi menjadikan sebahagian besar dari isi kandungan karya itu. Dari beberapa sudut, persejarahan moden bukanlah lagi *all speeches and actions* sahaja, tetapi adalah lebih merupakan tafsiran dan analisa seseorang sejarawan terhadap sesuatu peristiwa itu dengan berdasarkan sumber-sumber yang tulen dan berkaitan dengan peristiwa yang dikaji.

Tetapi pandangan ini adalah dari sudut pandangan ilmu persejarahan ala-Barat yang ada pada hari ini, iaitu yang tidaklah lagi semestinya melihat sejarah itu dari kegunaan praktisnya, seperti untuk iktibar dan memperbaiki akhlak tadi. Patutlah jika kita melihatnya pula dari sudut zaman Ssu-ma Chien itu sendiri di mana pengertian serta kaedah dan teknik penyelidikan dan penulisan sejarah itu belum begitu kemas jika dibandingkan dengan yang diamalkan pada hari ini. Ditinjau dari sudut zaman beliau itu, Ssu-ma Chien bukan sahaja secara lumrahnya telah dipengaruhi oleh tradisi persejarahannya yang telah diwarisinya, tetapi telah dapat pula memperkenalkan beberapa ciri baru di dalam bidang persejarahan negaranya. Hulsewe telah merumuskan perkara ini dengan jelasnya apabila beliau mengatakan bahawa, "Ssu-ma Chien telah menuliskan sejarah China dari zaman purba hingga ke zaman beliau sendiri, sebahagiannya dengan cara mempersembahkan penulisannya dalam bentuk babad-babad yang lama, walaupun dengan melakukan beberapa pembaikan, sebahagiannya pula dalam bentuk-bentuk yang benar-benar baru, yang diolah agar berlegar di sekitar beberapa buah institusi (seperti di dalam *Penghuraian-Penghuraian*) ataupun tokoh-tokoh (seperti di dalam *Memoir*)."<sup>52</sup> Seterusnya dikatakan pula bahawa selama seribu tahun selepas beliau belumlah ada sejarawan-sejarawan China yang mencuba untuk menuliskan catatan yang lengkap tentang sejarah China dari zaman purba hinggalah ke zaman sejarawan yang berkenaan dan bentuk *Shih Chi* telah ditiru oleh semua sejarah kewangsaan yang ditulis kemudiannya; ia telah menjadi suatu contoh keserjanaan dan kejayaan penulisan yang kukuh sejak dua ribu tahun yang lalu.<sup>53</sup>

Sejarawan-sejarawan yang mengikuti jejak langkahnya, seperti Pan Piao (T.M. 3-54) dan anaknya Pan Ku (T.M. 32-92) tidaklah menghasilkan persejarahan yang berbentuk "sejagat" seperti *Shih Chi*, tetapi adalah catatan sejarah bagi sesuatu wangsa sahaja seperti halnya dengan karya persejarahan yang berjudul *Han Shu*

52

A.P.F. Hulsewe, "Notes on the Historiography of the Han Period," h. 37.

53

W.H. McNeil & J.W. Sedlar, eds., *Classical China*, h. 135.

atau *Sejarah Wangsa Han Yang Awal* karangan kedua sejarawan tadi.<sup>54</sup> Dengan pencapaian yang demikian, maka barangkali wajarlah pengorbanan yang telah dialami oleh Ssu-ma Chien itu demi untuk melaksanakan dan menyiapkan wasiat bapanya sebagai tanda ketaatannya kepada ibu-bapanya.

54

---

Lihat Michael Loewe, *Imperial China*, h. 281. Lihat juga, Wm. Theodore de Bary, et. al comp., *Sources of Chinese Tradition*, h. 236.